



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
Aras 2-5 dan 13-14, Blok E12, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 603-8884 6000
Faks : 603-8888 6292
Laman Web : <http://www.moe.gov.my>

Rujukan Kami : KPM.BPSM.S.500-6/3/12 JILID 12 (15)
Tarikh : 2 Oktober 2024

Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia

Semua Ketua Jabatan / Bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia

Pengarah Institut Aminuddin Baki

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Semua Pengarah Institut Pendidikan Guru Malaysia

Semua Pengarah Kolej Matrikulasi

Semua Pegawai Pendidikan Daerah

Semua Ketua Jabatan Pegawai Kader / Pinjaman

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datu/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

URUSAN CICIR KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH GRED DG44 HINGGA GRED DG54 SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN BAGI TAHUN 2022, 2023 DAN 2024 DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan melaksanakan **URUSAN CICIR** kenaikan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBBK) **TAHUN 2022, 2023 DAN 2024** bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) seperti berikut:

- 2.1 Gred DG44 hingga Gred DG54;
- 2.2 Gred DG41/DG42 ke Gred DG44 yang mempunyai pengalaman sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (PPPLD); dan
- 2.3 DG44 ke Gred DG48 yang belum menggunakan pakai pengalaman PPPLD semasa ke Gred DG44 sahaja.

3. Iklan bagi urusan ini akan **DIBUKA MENERUSI SISTEM ePANGKAT** mengikut tarikh-tarikh penting seperti di jadual berikut:

BIL.	TARIKH	TEMPOH	KETERANGAN
1.	1 November 2024 (Jumaat) hingga 14 November 2024 (Khamis)	14 hari	<ul style="list-style-type: none"> • TEMPOH PERMOHONAN CALON DIBUKA • TARIKH TUTUP PADA 14 NOVEMBER 2024 (SEBELUM JAM 11.59 MALAM) <p><u>PERINGATAN!</u></p> <ol style="list-style-type: none"> Sebarang pengemaskinian maklumat [termasuk Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK)] dan perakuan <u>TIDAK DIBENARKAN SELEPAS TARIKH TUTUP PERMOHONAN CALON</u> (DI JPN/ BAHAGIAN/ IAB/ IPG KAMPUS/ KOLEJ MATRIKULASI); dan <u>CALON BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA</u> untuk menyemak dan mengesahkan maklumat/ dokumen perkhidmatan yang dimuat naik dan dikemas kini oleh Ketua Jabatan di Sistem ePangkat/ eOperasi/ HRMIS bagi permohonan masing-masing. <u>SEBARANG PERCANGGAHAN MAKLUMAT PERKHIDMATAN HENDAKLAH DIMAKLUMKAN SEGERA KEPADA KETUA JABATAN UNTUK DIKEMAS KINI SEBELUM TARIKH TUTUP PERMOHONAN CALON</u>
2.	15 November 2024 (Jumaat) hingga 28 November 2024 (Khamis)	14 hari	<ul style="list-style-type: none"> • TEMPOH PERAKUAN KETUA JABATAN (Pengetua/ Guru Besar/ Timbalan Pengarah JPN/ Bahagian atau Pengarah IAB Cawangan/ IPG Kampus/ Kolej Matrikulasi) KEPADA JPN/ BAHAGIAN • TARIKH TUTUP PADA 28 NOVEMBER 2024 (SEBELUM JAM 11.59 MALAM) <p><u>PERINGATAN!</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <u>TIADA</u> sebarang pengemaskinian maklumat [termasuk BPK] dan perakuan dibenarkan <u>SELEPAS TARIKH TUTUP PERMOHONAN CALON</u> (Di JPN/ Bahagian/ IAB/ IPG Kampus/ Kolej Matrikulasi); dan Pengetua/ Guru Besar/ Timbalan Pengarah JPN/ Bahagian atau Pengarah IAB Cawangan/ IPG Kampus/ Kolej Matrikulasi adalah <u>BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA</u> terhadap maklumat yang telah dimuat naik.
3.	29 November 2024 (Jumaat) hingga 12 Disember 2024 (Khamis)	14 hari	<ul style="list-style-type: none"> • TEMPOH PERAKUAN PENYEMAK/ PENGESAH DI JPN/ BAHAGIAN/ IAB/ IPGM KEPADA BPSM, KPM • TARIKH TUTUP PADA 12 DISEMBER 2024 (SEBELUM JAM 11.59 MALAM) <p><u>PERINGATAN!</u></p> <p><u>TIADA</u> sebarang perakuan dibenarkan <u>SELEPAS TARIKH TUTUP PERMOHONAN CALON.</u></p>

- 3.1 Permohonan kenaikan pangkat secara TBBK **WAJIB DIMOHON OLEH CALON SENDIRI** dengan log masuk ke Sistem ePangkat menggunakan **ID CALON** dan menyemak semua maklumat yang telah dikemas kini oleh Ketua Jabatan masing-masing. Sebarang percanggahan maklumat perkhidmatan hendaklah dimaklumkan segera kepada Ketua Jabatan untuk dikemas kini. **PENGEMASKINIAN TERSEBUT HENDAKLAH DIBUAT SEBELUM TARIKH TUTUP PERMOHONAN CALON.**
- 3.2 Sekiranya calon telah menghantar permohonan kenaikan pangkat dan ada keperluan pembetulan/pengemaskinian maklumat kenaikan pangkat, calon perlu membatalkan permohonan asal dan memohon semula setelah membuat pengemaskinian maklumat **DALAM TEMPOH PERMOHONAN CALON.**
- 3.3 Carta Alir Proses Kerja Urusan Kenaikan Pangkat PPPS secara TBBK menggunakan Sistem ePangkat seperti di **LAMPIRAN A.**
- 3.4 **CALON ADALAH BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA UNTUK MENYEMAK DAN MENGESAHKAN MAKLUMAT/ DOKUMEN PERKHIDMATAN YANG DIMUAT NAIK DAN DIKEMAS KINI OLEH KETUA JABATAN BAGI PERMOHONAN MASING-MASING. [Rujuk LAMPIRAN B1]**
- 3.5 Manual pengguna Sistem ePangkat juga boleh dicapai di *dashboard* ePangkat masing-masing.
4. Bagi memastikan kelancaran urusan kenaikan pangkat di atas, **Ketua Jabatan** hendaklah:
 - 4.1 **MEMUAT NAIK DAN MENGEMAS KINI MAKLUMAT-MAKLUMAT SEMUA PPPS** di dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK), Sistem HRMIS, Sistem eOperasi dan Sistem ePangkat; dan
 - 4.2 **BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA** untuk memastikan semua maklumat perkhidmatan dalam Sistem ePangkat **SAMA** seperti yang tercatat dalam BPK. **[Rujuk LAMPIRAN B2]**
5. Senarai PPPS yang layak dipertimbangkan adalah seperti di **LAMPIRAN B3 hingga LAMPIRAN B5.** Manakala syarat kenaikan pangkat bagi setiap urusan adalah seperti di **LAMPIRAN C1 hingga LAMPIRAN C3.**
6. YBhg. Datuk/ Dato'/ Datu/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan adalah turut dikehendaki untuk mengemukakan **MAKLUMAT YANG JELAS DAN MUDAH DIBACA** [Rujuk **LAMPIRAN D1 hingga LAMPIRAN D4**] seperti jadual di bawah:

HALAMAN PERTAMA	URUSAN KENAIKAN PANGKAT	SURAT SPP DAN CATATAN BPK YANG PERLU DIMUAT NAIK
	DG41 KE DG44 (EX-PPPLD)	1. Surat Pengesahan Pelantikan DG29 2. Surat Pengesahan Dalam Perkhidmatan DG29 3. Surat Pengesahan Pelantikan DG41
	DG42 KE DG44 (EX-PPPLD)	1. Surat Pengesahan Pelantikan DG29 2. Surat Pengesahan Dalam Perkhidmatan DG29
	DG44 KE DG48 (EX-PPPLD)	1. Surat Pengesahan Pelantikan DG29 2. Surat Pengesahan Pelantikan DG41 3. Surat Pengesahan Dalam Perkhidmatan DG41 4. Surat Pelanjutan Tempoh Percubaan Berdenda (TPB)/ Tidak Berdenda (Jika Berkaitan)
	DG41 KE DG44 (TBBK)	1. Surat Pengesahan Pelantikan DG41
	DG44 KE DG48 (TBBK) DG48 KE DG52 (TBBK) DG52 KE DG54 (TBBK)	1. Surat Pengesahan Pelantikan DG41 2. Surat Pengesahan Dalam Perkhidmatan DG41 3. Surat Pelanjutan Tempoh Percubaan Berdenda (TPB)/ Tidak Berdenda (Jika Berkaitan)
	<ul style="list-style-type: none"> TARIKH LANTIKAN GSST / GSTT / SEMENTARA TIDAK BOLEH DIAMBIL KIRA BAGI TUJUAN KENAIKAN PANGKAT PPPS YANG DITUKAR LANTIK KE KPM PERLU MENGEMUKAKAN DOKUMEN PERTUKARAN PELANTIKAN TERMASUK SYARAT-SYARAT TUKAR LANTIK NO. RUJUKAN DAN TARIKH SURAT YANG DISERTAKAN HENDAKLAH SAMA SEPERTI YANG TERCATAT DI HALAMAN BPK 	
HALAMAN PENTING	URUSAN KENAIKAN PANGKAT	SURAT SPP, SURAT KENAIKAN PANGKAT DAN CATATAN BPK YANG PERLU DIMUAT NAIK
	DG41 ke DG44 (TBBK @ TBBK EX-PPPLD)	1. Surat Pengesahan Dalam Perkhidmatan DG41 2. Surat Pelanjutan Tempoh Percubaan Berdenda (TPB) / Tidak Berdenda (Jika Berkaitan)
	DG42 ke DG44 (TBBK @ TBBK EX-PPPLD)	Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat DG42 / LAMPIRAN J dan kenyataan TNP gred semasa dalam BPK
	DG44 ke DG48 (TBBK @ TBBK EX-PPPLD)	Surat Kenaikan Pangkat DG44/ LAMPIRAN J dan kenyataan TNP gred semasa dalam BPK
	DG48 ke DG52	Surat Kenaikan Pangkat DG44 dan DG48 / LAMPIRAN J berserta kenyataan TNP kesemua gred kenaikan pangkat dalam BPK
	DG52 ke DG54	Surat Kenaikan Pangkat DG44, DG48 dan DG52 / LAMPIRAN J berserta kenyataan TNP kesemua gred kenaikan pangkat dalam BPK
	<ul style="list-style-type: none"> NO. RUJUKAN DAN TARIKH SURAT YANG DISERTAKAN HENDAKLAH SAMA SEPERTI YANG TERCATAT DI HALAMAN BPK 	
HALAMAN TERKINI	Halaman terakhir TERKINI yang dikemas kini dalam BPK tidak melebihi tempoh tiga (3) tahun dari tarikh permohonan iklan dibuka.	

7. BPK akan digunakan bagi semakan silang maklumat-maklumat di dalam Sistem HRMIS, eOperasi dan ePangkat. Kegagalan menyemak dan mengemas kini maklumat akan menjejaskan urusan kenaikan pangkat PPPS yang terlibat. **PERMOHONAN YANG MEMPUNYAI PERCANGGAHAN MAKLUMAT ATAU MAKLUMAT TIDAK LENGKAP TIDAK AKAN DIPERAKUKAN** (Contoh: Tidak memuat naik halaman BPK dan surat seperti yang tercatat dalam nota paparan ePangkat/ kenyataan cuti yang meragukan/ kesilapan tarikh lantikan tetap atau pengesahan dalam jawatan oleh SPP).

8. Borang Akuan Pilihan TBBK EX-PPPLD [Rujuk **LAMPIRAN E**] yang telah diisi dan disahkan oleh Ketua Jabatan, **WAJIB DIMUAT NAIK** dalam Sistem ePangkat bagi PPPS Gred

DG41/ DG42/ DG44 yang terlibat. Borang akuan tersebut juga hendaklah **direkodkan di dalam BPK. Calon dan Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab** untuk memastikan penggunaan **PENGALAMAN PPPLD HANYA DIGUNAKAN SEKALI SAHAJA DALAM PERKHIDMATAN TANPA MENGIRA LALUAN KENAIKAN PANGKAT** (TBBK Ex-PPPLD/ Guru Besar Ex-PPPLD/ Guru Cemerlang Ex-PPPLD).

9. Mana-mana calon yang telah disahkan dalam perkhidmatan **MELEBIHI TEMPOH TIGA (3) TAHUN DARIPADA TARIKH LANTIKAN DI GRED DG41** hendaklah memuat naik surat pelanjutan tempoh percubaan (tanpa denda/berdenda) daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan. Selaras dengan keputusan **Mesyuarat Suruhanjaya Bilangan 1187**, pegawai yang **tidak pernah dibuat pelanjutan tempoh percubaan walaupun tempoh Pengesahan Dalam Perkhidmatan melebihi 3 tahun** perlu memuat naik surat SPP(S).600-5/1/1 Jld. 31 (1) bertarikh **27 Oktober 2023** [Rujuk **LAMPIRAN K**] dan kenyataan BPK mengenainya sebagaimana jadual di Para 6.

10. Selain itu, diingatkan bahawa ulasan **DIPERAKU/ TIDAK DIPERAKU WAJIB DIISI SEMUA PERINGKAT (MANDATORI)** dalam Sistem ePangkat semasa perakuan dibuat seperti paparan di bawah.

The screenshot displays the 'CATATAN ULASAN BPSM' form within the ePangkat system. The form includes a search bar at the top, a dropdown menu for 'STATUS SEMAKAN', and a 'CARI' button. Below this is a table of 'SENARAI PERMOHONAN' with columns for 'BIL', 'NAMA', 'NO KAD PE', 'GRED', 'JAWATAN', and 'TEMPAT B'. A red arrow points to the 'CATATAN' field in the table. A green box highlights the text 'ULASAN DIPERAKU / TIDAK DIPERAKU WAJIB DIISI SEMUA PERINGKAT'. A blue box highlights the 'STATUS PERAKUAN ULASAN' section with a 'SIMPAN' button. A legend at the bottom right defines 'ULASAN PGB', 'ULASAN PENYEMAK', and 'ULASAN KJ'.

11. Semua urusan kenaikan pangkat hendaklah diperaku menerusi Sistem ePangkat **KECUALI** pegawai dalam keadaan berikut yang perlu diperakukan **SECARA MANUAL** iaitu:

- 11.1 Pegawai yang **SEDANG** Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP), Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) atau Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG);
- 11.2 Pegawai yang **TELAH TAMAT** Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP), Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) atau Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG) dan **TIDAK MEMPUNYAI MARKAH LNPT/PBPPP TIGA (3) TAHUN** yang disenaraikan seperti di **LAMPIRAN C1 hingga LAMPIRAN C3**;
- 11.3 Pegawai yang telah **DILULUSKAN CUTI-CUTI YANG MENJEJASKAN KEKANANAN** seperti Cuti Separuh Gaji (CSG) dan/ atau Cuti Tanpa Gaji (CTG)/

Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan (CTGIP)/ Cuti Tanpa Gaji Menjaga Anak (CTGMA) - sila kemukakan sesalinan surat kelulusan CSG/ CTG/ CTGIP/ CTGMA oleh Ketua Jabatan;

- 11.4 Pegawai yang diluluskan **Cuti Sakit Berpanjangan melebihi 180 hari dalam sesuatu tahun kalendar**;
- 11.5 Pegawai yang berada di **jawatan kader/ dalam tempoh peminjaman** ke Jabatan/ Kementerian lain;
- 11.6 Pegawai di gred lantikan yang dikenakan **pelanjutan tempoh percubaan dengan berdenda (TPB) bagi kenaikan pangkat kali pertama (contoh: ke Gred DG44)**;
- 11.7 Pegawai yang **pernah diperaku tetapi gagal** dalam urusan berkenaan kerana markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)/ Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP)/ Penilaian Tahap Kriteria Kecemerlangan (KC) tidak mencapai tahap yang ditetapkan;
- 11.8 Pegawai yang didapati **Tidak Hadir Bertugas (THB)** bagi sesuatu tempoh tanpa cuti atau tanpa sebab munasabah atau tanpa kelulusan Ketua Jabatan serta **tindakan potongan emolumen telah diambil**;
- 11.9 Pegawai yang telah keluar dari penempatan **Jawatan Kumpulan (pool)** kerana **masalah kesihatan [Rujuk Para 13]**;
- 11.10 Pegawai yang **telah selesai menjalani hukuman tatatertib** yang dikenakan semasa tempoh perkhidmatan yang melayakkan;
- 11.11 PPPS yang **pernah menolak permohonan kenaikan pangkat secara TBBK** semasa tempoh perkhidmatan yang melayakkan; dan
- 11.12 Pegawai yang layak dipertimbangkan kenaikan pangkat **SEBELUM bersara wajib/ bersara pilihan/ meninggal dunia yang diperaku oleh Ketua Jabatan**.

12. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Datu/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan, LKPPP Bilangan 4 Tahun 2019 memaklumkan bahawa terma **PROSIDING TATATERTIB BERMULA APABILA SURAT PERTUDUHAN DIKELUARKAN**. Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2021) Ceraian UP.3.1.6 menyatakan bahawa **pegawai yang ditohmah tetapi tidak dapat dibuktikan dan pegawai yang sedang dalam prosiding tatatertib adalah LAYAK**

DIPERTIMBANGKAN pemangkuan dan kenaikan pangkat. Oleh yang demikian, tatacara pengurusan urusan kenaikan pangkat calon-calon bagi kategori tersebut adalah seperti berikut:

12.1 **CALON YANG SEDANG DALAM LAPORAN / SIASATAN TATATERTIB (KEQUALI KES THB):**

Calon boleh diperakukan melalui Sistem ePangkat. Walau bagaimanapun, Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan ringkasan laporan tatakelakuan dalam ulasan terhadap perakuan permohonan pegawai bagi tindakan lanjut urus setia kenaikan pangkat di KPM.

12.2 **CALON YANG SEDANG DALAM PROSIDING TATATERTIB:**

Perakuan pegawai hendaklah dikemukakan secara manual berserta dengan maklumat perincian kes dan akan tertakluk kepada pertimbangan serta keputusan Lembaga.

12.3 **CALON YANG SEDANG DALAM HUKUMAN TATATERTIB:**

Ketua Jabatan hanya boleh memperaku PPPS tersebut setelah tempoh hukuman tatatertib kes selesai.

13. Untuk makluman juga, LKPPP Bilangan 3 Tahun 2017 telah memutuskan supaya PPPS yang berada di dalam jawatan kumpulan (*pool*) kerana masalah kesihatan dan memperoleh markah yang layak diberi pertimbangan untuk kenaikan pangkat **DITANGGUHKAN pertimbangan kenaikan pangkat sehingga pegawai dikeluarkan daripada jawatan kumpulan (*pool*) serta telah ditempatkan di bahagian, jabatan atau sekolah untuk melaksanakan tugas hakiki** berdasarkan kepada surat edaran KPM rujukan KPM.500-7/1/1 Jld. 8 (81) bertarikh 09 Jun 2017.

14. Dimaklumkan bahawa **PENALTI URUSAN TBBK** akan terpakai kepada keadaan penolakan seperti berikut:

14.1 calon yang menolak/enggan mengemukakan Rayuan Penilaian KC sebagaimana ketetapan LKPPP Bilangan 4 Tahun 2013. Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang gagal penilaian KC mengemukakan **rayuan KC dalam tempoh maksimum enam (6) bulan** untuk dinilai oleh Panel Rayuan yang berkuat kuasa [Rujuk **LAMPIRAN F**]; dan

14.2 calon yang menolak untuk memohon urusan TBBK pada tahun kelayakan sebagaimana ketetapan JKPPP Bilangan 1 Tahun 2020 [Rujuk **LAMPIRAN G**].

Oleh kerana kedua-dua keadaan penolakan ini akan memberikan **implikasi kepada perkhidmatan pegawai**, Ketua Jabatan perlu memastikan pegawai melengkapkan surat akuan rasmi penolakan sebagaimana borang yang boleh dicapai di Sistem ePangkat. Penolakan ini wajib direkodkan secara sistematik dalam BPK pegawai bagi mengelakkan sebarang isu berbangkit.

15. Mana-mana pegawai yang **GAGAL** wajaran LNPT/ PBPPP/ Penilaian KC/ **MENOLAK kenaikan pangkat secara TBBK**, Ketua Jabatan perlu mengemukakan pertimbangan semula kenaikan pangkat dengan **menggunakan wajaran LNPT/ PBPPP tiga (3) tahun terkini** pada tahun pegawai memenuhi syarat.
16. Bagi memastikan kelancaran proses permohonan kenaikan pangkat, mana-mana PPS yang telah **kehilangan surat siaran kenaikan pangkat hendaklah memuat naik Akuan Pengesahan Kehilangan Surat Kenaikan Pangkat** di halaman penting di Sistem ePangkat [Rujuk **LAMPIRAN J**]. Manakala bagi yang **kehilangan Surat Pengesahan Pelantikan dan Pengesahan Dalam Perkhidmatan**, calon hendaklah merujuk dengan SPP.
17. Ketua Jabatan hendaklah memastikan **hanya calon yang BELUM PERNAH DINAIKKAN PANGKAT DALAM MANA-MANA URUSAN KENAIKAN PANGKAT ATAS GRED YANG SAMA SAHAJA DIPERAKUKAN** dalam urusan TBBK. Tindakan memperakukan calon yang telah pun dinaikkan pangkat bagi urusan ini akan dipertanggungjawabkan kepada Ketua Jabatan berkenaan.
18. Pegawai yang **SEDANG MEMANGKU** di Laluan Hakiki/ Cemerlang/ SISC+/ SiPartners+ **juga boleh diperakukan** dalam urusan ini dan perlu dinyatakan dalam ruang **Ulasan Ketua Jabatan**. LKPPP Bilangan 1 Tahun 2021 telah bersetuju dengan keputusan berikut:
- 18.1 PPP Siswazah Gred DG41 hingga DG52 yang sedang memangku tetapi **tarikh kenaikan pangkat secara TBBK adalah LEBIH AWAL** dari tarikh pemangkuan, pegawai hendaklah diberikan opsyen untuk memilih kenaikan pangkat sama ada di Laluan Hakiki/ Cemerlang/ SISC+/ SiPartners+ atau Laluan TBBK. Sekiranya pegawai memilih kenaikan pangkat secara TBBK, pemangkuan pegawai **AKAN DITARIK BALIK**; dan
- 18.2 PPP Siswazah Gred DG41 hingga Gred DG52 yang sedang memangku tetapi **tarikh kenaikan pangkat secara TBBK adalah LEWAT** dari tarikh pemangkuan, **DIWAJIBKAN UNTUK MEMOHON** urusan TBBK yang layak. Penetapan tarikh kenaikan pangkat pegawai adalah tertakluk kepada mana-mana tarikh yang diputuskan oleh LKPPP yang berkuat kuasa.
19. **CALON** adalah bertanggungjawab untuk **mengemukakan permohonan urusan kenaikan pangkat secara TBBK**. Manakala, **KETUA JABATAN** adalah bertanggungjawab untuk memastikan **perakuan dibuat bagi SEMUA pegawai yang layak dipertimbangkan** untuk mengelakkan sebarang keciciran berulang. Mana-mana permohonan yang **tidak lengkap/mempunyai maklumat bercanggah/tidak jelas/tidak teratur/tidak memenuhi spesifikasi muatnaik dokumen TIDAK AKAN DIPROSES**.
20. Bersama-sama ini dikemukakan dokumen rujukan dan garis panduan pengurusan kenaikan pangkat secara TBBK yang **TELAH DIMUAT NAIK DALAM SISTEM ePANGKAT** seperti berikut:

- LAMPIRAN B1** : Tanggungjawab Calon
LAMPIRAN B2 : Tanggungjawab Ketua Jabatan
LAMPIRAN F : Akuan Penolakan Mohon TBBK
LAMPIRAN G : Akuan Penolakan Rayuan KC
LAMPIRAN H : Senarai semak penyediaan maklumat TBBK bagi PPPS
LAMPIRAN I : Senarai Ketua Jabatan
LAMPIRAN J : Akuan Pengesahan Kehilangan Surat Kenaikan Pangkat
LAMPIRAN K : Surat Status Perkhidmatan Pegawai Yang Telah Diberi Pengesahan Dalam Perkhidmatan Namun Melebihi Tempoh Percubaan Yang Ditetapkan


Segala kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datu/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan dalam melancarkan urusan ini adalah sangat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"


"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,


(SAFIDA ZALMA BINTI MOHD PIAH)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k : KSU
KPPM
TKSU (P)
TKSU (PP)
TKPPM (SDK)
TKPPM (SOS)
TKPPM (SPP)
TSUBK (O)
TSUBK (P)
TSUB (SM) D
TSUB (SM) K
TSUB (SM) L
TSUB (SM) P
TSUB (SM) PO
TSUB (SM) TW
KU (SM) PM

CARTA ALIR URUSAN KENAIKAN PANGKAT PPPS SECARA TIME-BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN (TBBK) DI SISTEM EPANGKAT



TANGGUNGJAWAB CALON YANG TERLIBAT DI DALAM URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA TBBK/ TBBK EX-PPPLD

1. **Mendaftarkan diri sendiri** di dalam ePangkat sekiranya belum berbuat demikian.
2. Memastikan bahawa **maklumat diri di dalam HRMIS dikemas kini**.
3. Memastikan bahawa **maklumat perkhidmatan di dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) dikemas kini** seperti penerangan di **Lampiran D**.
4. Memastikan **maklumat-maklumat perkhidmatan pegawai di dalam sistem eOperasi adalah dikemas kini dan tepat**.
5. Memastikan maklumat-maklumat perkhidmatan pegawai di dalam sistem **ePangkat adalah dikemas kini dan tepat**.
6. Memasukkan **maklumat di dalam submodul Maklumat Peribadi** di dalam **ePangkat** bagi tujuan tapisan keutuhan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
7. Membuat **perisytiharan harta terkini** bagi tujuan urusan kenaikan pangkat dan seterusnya memastikan maklumat perisytiharan harta dikemas kini di dalam ePangkat.
8. Memastikan diri calon **tidak berada di dalam senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan**.
9. **Membaca dengan teliti** nama iklan yang dipaparkan di modul permohonan untuk mengelakkan calon memohon iklan yang salah.
10. Mengisi **Borang Penilaian Kriteria Kecemerlangan** (bagi calon yang terlibat dalam urusan TBBK bermula 1 Julai 2013).
11. Sekiranya **GAGAL DI DALAM PENILAIAN KRITERIA KECEMERLANGAN (KC), SILA ISI BORANG RAYUAN PENILAIAN KC** (bagi calon yang terlibat dalam urusan TBBK bermula 1 Julai 2013) dalam tempoh **SEBULAN DARI TARIKH PANEL PENILAI KC BERSIDANG**.
12. Menyemak **setiap dokumen dan maklumat perkhidmatan** yang dimuat naik oleh Ketua Jabatan sebelum membuat permohonan.
13. Mengisi borang **Akuan Pengesahan Kehilangan Surat Kenaikan Pangkat PPS** sekiranya berkaitan.
14. Memastikan **permohonan di ePangkat dibuat oleh DIRI SENDIRI** dan calon **mencetak sendiri slip akuan penghantaran permohonan** selepas berjaya memohon.
15. Status permohonan hendaklah disemak dengan **KETUA JABATAN** (Pengetua / Guru Besar / JPN / Bahagian / Institusi) **SAHAJA**. Sebarang pertanyaan secara langsung ke BPSM adalah **tidak digalakkan**.

“PERKHIDMATAN ANDA, TANGGUNGJAWAB ANDA”

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN CALON YANG TERLIBAT DI DALAM URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA TBBK/ TBBK EX-PPPLD

1. **Menghebahkan dan memaklumkan** urusan kenaikan pangkat kepada semua calon di bawah penyeliaan masing-masing yang layak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.
2. Memastikan bahawa **maklumat calon di dalam HRMIS dikemas kini.**
3. Memastikan bahawa **maklumat perkhidmatan calon di dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) dikemas kini.**
4. Menyemak **maklumat-maklumat perkhidmatan** calon yang terlibat di dalam urusan kenaikan pangkat secara TBBK di dalam sistem **eOperasi adalah dikemas kini dan tepat.**
5. Memastikan perkhidmatan calon yang terlibat di dalam urusan kenaikan pangkat secara TBBK di dalam sistem **ePangkat adalah dikemas kini dan tepat.**
6. Menyemak serta **memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat** yang diberikan oleh calon.
7. Memastikan hanya permohonan yang **memenuhi syarat umum dan syarat khusus** kenaikan pangkat secara TBBK sahaja dikemukakan menerusi ePangkat.
8. Membuat Penilaian Kriteria Kecemerlangan dengan **kadar segera tanpa menunggu iklan TBBK/TBK1 dibuka di ePangkat** bagi calon yang terikat dengan syarat kriteria kecemerlangan.
9. **Memaklumkan markah Penilaian KC yang diperolehi kepada calon dan mengingatkan calon yang gagal dalam Penilaian KC, bahawa beliau boleh membuat rayuan dan rayuan calon, jika ada, perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Rayuan Penilaian Kriteria Kecemerlangan.**
10. **Memuat naik sesalinan dokumen berikut:**
 - 10.1 Surat pengesahan pelantikan dan pengesahan dalam perkhidmatan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) berserta kenyataan dalam BPK;
 - 10.2 Surat-surat Kenaikan Pangkat / **Lampiran J** berserta kenyataan kenaikan pangkat dalam BPK; dan
 - 10.3 Kenyataan perkhidmatan yang terkini dalam BPK bagi PPPS seperti di **Lampiran D**.
11. **Memuat naik Borang Akuan Pilihan TBBK Ex-PPPLD yang telah diisi dan ditandatangani oleh calon** serta telah **disahkan oleh Ketua Jabatan** dalam ePangkat dan perlu direkodkan di dalam **BPK PPPS** tersebut.
12. **Memasukkan markah Kriteria Kecemerlangan dan markah Rayuan Kriteria Kecemerlangan** di dalam maklumat perakuan calon yang tertakluk kepada pemakaian Kriteria Kecemerlangan **berserta ULASAN (MANDATORI)**.
13. Mengemukakan **perakuan calon-calon** di bawah seliaan dengan **KADAR SEGERA** tanpa menunggu sehingga saat-saat akhir untuk berbuat demikian.

LAMPIRAN B3

SENARAI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH (PPPS) YANG TERLIBAT DALAM URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN (TBBK) MELALUI SISTEM ePANGKAT BAGI TAHUN 2022, 2023 DAN 2024

URUSAN	GENAP TEMPOH PERKHIDMATAN (TAHUN)
<p>Gred DG52 ke Gred DG54</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tarikh Naik Pangkat (TNP) Gred DG52 mulai tahun 2019 hingga 2021 	3
<p>Gred DG48 ke Gred DG52</p> <ul style="list-style-type: none"> • TNP Gred DG48 mulai tahun 2016 hingga 2018 	6
<p>Gred DG44 ke Gred DG48</p> <ul style="list-style-type: none"> • TNP Gred DG44 mulai tahun 2014 hingga 2016 	8
<p>Gred DG41 ke Gred DG44</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tarikh Lantik Gred DG41 mulai tahun 2014 hingga 2016* <p><i>* Tarikh berdasarkan tarikh pengesahan pelantikan oleh SPP</i></p>	8

14. Hanya mengemukakan calon yang **BELUM DIPERAKUKAN DAN LENGKAP** sahaja bagi sebarang **Urusan Kenaikan Pangkat secara TBBK/ TBBK EX-PPPLD.**
15. **Bertanggungjawab** untuk melaporkan ringkasan tatakelakuan dalam ulasan permohonan pegawai sekiranya berkaitan.
16. Memaklumkan dan memanjangkan maklumat berkaitan “**Tanggungjawab Calon Yang Terlibat Di Dalam Urusan Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan**” seperti di **Lampiran B1** kepada calon.
17. Memaklumkan ulasan kepada calon yang status permohonannya “**Tidak Lengkap dan Tidak Diproses**” untuk memohon semula di iklan cicir sekiranya berkaitan.
18. Mengambil tindakan pembetulan dan pengemaskinian terhadap permohonan yang berstatus “**Tidak Lengkap dan Tidak Diproses**” **SEBELUM IKLAN CICIR DIBUKA.**

LAMPIRAN B4

JADUAL KIRAAN TEMPOH PERKHIDMATAN BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH (PPPS) SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN (TBBK) GRED DG41/ DG42 KE GRED DG44 (KUP) YANG MEMPUYAI PENGALAMAN SEBAGAI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA (PPPLD) BAGI TAHUN 2022, 2023 DAN 2024

PPPLD		PPPS			TEMPOH GENAP 8 TAHUN BAGI URUSAN TBBK
TEMPOH BERKHIDMAT SEBAGAI PPPLD (TAHUN)	TEMPOH YANG DIAMBILKIRA*	TAHUN LANTIKAN PPPS GRED DG41 ATAU TAHUN KENAIKAN PANGKAT GRED DG42	TEMPOH BERKHIDMAT SEBAGAI PPPS GRED DG41/ DG42	KOMBINASI TEMPOH TAHUN (TEMPOH BERKHIDMAT DI PPPLD + TEMPOH BERKHIDMAT DI PPPS)	
3	1	2015	7	1 + 7	8
4		2016			
5		2017			
6	2	2016	6	2 + 6	8
7		2017			
8		2018			
9	3	2017*	5	3 + 5	8
10		2018*			
11 dan lebih		2019*			

* Genap tiga (3) tahun pengalaman di PPPLD dikira sebagai satu (1) tahun berkhidmat di PPPS dengan had maksimum pengalaman sembilan (9) tahun di PPPLD bersamaan tiga (3) tahun di PPPS Gred DG41/ DG42

****PENGALAMAN PPPLD HANYA BOLEH DIGUNAKAN SEKALI SAHAJA DALAM PERKHIDMATAN TANPA MENGIRA LALUAN KENAIKAN PANGKAT (TBBK/ GURU BESAR EX-PPPLD/ GURU CEMERLANG EX-PPPLD)**

JADUAL KIRAAN TEMPOH PERKHIDMATAN BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH (PPPS) SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN (TBBK) GRED DG44 KE GRED DG48 (KUP) YANG MEMPUNYAI PENGALAMAN SEBAGAI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA (PPPLD) DAN **BELUM MENGGUNAPAKAI PENGALAMAN PPPLD SEMASA KE GRED DG44** BAGI TAHUN 2022, 2023 DAN 2024

PPPLD		PPPS			TEMPOH GENAP 8 TAHUN BAGI URUSAN TBBK
TEMPOH BERKHIDMAT SEBAGAI PPPLD (TAHUN)	TEMPOH YANG DIAMBILKIRA*	TAHUN KENAIKAN PANGKAT PPPS GRED DG44	TEMPOH BERKHIDMAT SEBAGAI PPPS GRED DG44	KOMBINASI TEMPOH TAHUN (TEMPOH BERKHIDMAT DI PPPLD + TEMPOH BERKHIDMAT DI PPPS)	
3	1	2015	7	1 + 7	8
4		2016			
5		2017			
6	2	2016	6	2 + 6	8
7		2017			
8		2018			
9	3	2017*	5	3 + 5	8
10		2018*			
11 dan lebih		2019*			

* Genap tiga (3) tahun pengalaman di PPPLD dikira sebagai satu (1) tahun berkhidmat di PPPS dengan had maksimum pengalaman sembilan (9) tahun di PPPLD bersamaan tiga (3) tahun di PPPS Gred DG41

****PENGALAMAN PPPLD HANYA BOLEH DIGUNAKAN SEKALI SAHAJA DALAM PERKHIDMATAN TANPA MENGIRA LALUAN KENAIKAN PANGKAT (TBBK/ GURU BESAR EX-PPPLD/ GURU CEMERLANG EX-PPPLD)**

Syarat Kenaikan Pangkat PPS Gred DG41 @ DG42 ke Gred DG44/ Gred DG44 ke Gred DG48/ Gred DG48 ke Gred DG52/ Gred DG52 ke Gred DG54

SYARAT UMUM

- (a) telah **disahkan dalam jawatan DG41/ DG42** atau **telah dinaikkan pangkat** ke Gred DG44/ DG48/ DG52;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu jumlah wajaran Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)/ Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) seperti jadual di bawah dengan pembahagian wajaran sebanyak 20% bagi tahun pertama, 35% bagi tahun kedua dan 45% bagi tahun ketiga:

TARIKH KELAYAKAN BAGI URUSAN TBBK GRED DG44/ DG48/ DG52/ DG54	LNPT/ PBPPP YANG DIGUNAKAN	MARKAH MINIMUM WAJARAN LNPT/ PBPPP TIGA (3) TAHUN
1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2022	2018, 2019 dan 2020	80 %
1 Julai 2022 hingga 30 Jun 2023	2019, 2020 dan 2021	
1 Julai 2023 hingga 30 Jun 2024	2020, 2021 dan 2022	
1 Julai 2024 hingga 31 Disember 2024	2021, 2022 dan 2023	

- (c) bebas daripada tindakan tatatertib;
- (d) telah mengisytiharkan harta;
- (e) lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- (f) bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan; dan
- (g) diperakukan oleh Ketua Jabatan.

SYARAT-SYARAT KHUSUS

- (a) **GENAP** tempoh perkhidmatan lapan (8) tahun di Gred DG41/ DG42/ DG44 (tempoh perkhidmatan yang diambil kira sahaja); ATAU
- (b) **GENAP** tempoh perkhidmatan lima (5) tahun di Gred DG34/ enam (6) tahun di Gred DG48/ tiga (3) tahun di Gred DG52;
- (c) melepasi wajaran pemarkahan keseluruhan (60% wajaran markah LNPT/PBPPP + 40% markah KC) iaitu sekurang-kurangnya 80%; dan
- (d) Penilaian KC hanya dinilai sekiranya jumlah wajaran LNPT/PBPPP melepasi markah minimum 80%.

Syarat Kenaikan Pangkat PPPS TBBK Ex-PPPLD Gred DG41/ DG42 ke Gred DG44

SYARAT UMUM

- (a) telah disahkan dalam jawatan Gred DG29/ DG41 ATAU telah dinaikkan pangkat ke Gred DG42 (bagi calon Gred DG42);
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu jumlah wajaran Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)/ Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) seperti jadual di bawah dengan pembahagian wajaran sebanyak 20% bagi tahun pertama, 35% bagi tahun kedua dan 45% bagi tahun ketiga:

TARIKH KELAYAKAN BAGI URUSAN TBBK EX-PPPLD GRED DG41/ DG42 KE GRED DG44	LNPT/ PBPPP YANG DIGUNAKAN	MARKAH MINIMUM WAJARAN LNPT/ PBPPP TIGA (3) TAHUN
1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2022	2018, 2019 dan 2020	80 %
1 Julai 2022 hingga 30 Jun 2023	2019, 2020 dan 2021	
1 Julai 2023 hingga 30 Jun 2024	2020, 2021 dan 2022	
1 Julai 2024 hingga 31 Disember 2024	2021, 2022 dan 2023	

- (c) bebas daripada tindakan tatatertib;
- (d) telah mengisytiharkan harta;
- (e) lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- (f) bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan; dan
- (g) diperakukan oleh Ketua Jabatan.

SYARAT-SYARAT KHUSUS

- (a) PPPLD Gred DG29, DG32, DG34 dan DG38 yang telah dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41/ dinaikkan pangkat ke Gred DG42, mengambil kira setiap genap tiga (3) tahun pengalaman di PPPLD sebagai satu (1) tahun pengalaman di Gred DG41/DG42 dengan had maksimum sembilan (9) tahun di PPPLD bersamaan tiga (3) tahun di PPPS di Gred DG41/ DG42;
- (b) **GENAP** tempoh perkhidmatan lapan (8) tahun secara gabungan di PPPS dan mempunyai pengalaman PPPLD di Gred DG41/ DG42 pada TAHUN 2022, 2023 dan 2024;
- (c) melepasi wajaran pemarkahan keseluruhan (60% wajaran markah LNPT/PBPPP + 40% markah KC) iaitu sekurang-kurangnya 80%; dan
- (d) Penilaian KC hanya dinilai sekiranya jumlah wajaran LNPT/PBPPP melepasi markah minimum 80%.

Syarat Kenaikan Pangkat PPPS TBBK Ex-PPPLD Gred DG44 ke Gred DG48

SYARAT UMUM

- (a) telah dinaikkan pangkat ke Gred DG44;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu jumlah wajaran Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)/ Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) seperti jadual di bawah dengan pembahagian wajaran sebanyak 20% bagi tahun pertama, 35% bagi tahun kedua dan 45% bagi tahun ketiga:

TARIKH KELAYAKAN BAGI URUSAN TBBK EX-PPPLD GRED DG44 KE GRED DG48	LNPT/ PBPPP YANG DIGUNAKAN	MARKAH MINIMUM WAJARAN LNPT / PBPPP TIGA (3) TAHUN
1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2022	2018, 2019 dan 2020	80 %
1 Julai 2022 hingga 30 Jun 2023	2019, 2020 dan 2021	
1 Julai 2023 hingga 30 Jun 2024	2020, 2021 dan 2022	
